

## UPSI jadi pilihan selebriti! Naib Canselor luah rasa bangga



Kuala Lumpur, 17 April - "Saya mengucapkan tahniah kepada Tomok, Amerul Affendi dan Zulkifli Ismail kerana memilih UPSI (Universiti Pendidikan Sultan Idris) sebagai pilihan untuk mengukuhkan pengalaman akademik mereka."

Beliau berkata, UPSI sememangnya mempunyai ramai pakar industri yang menjadi pensyarah dalam pelbagai bidang.

"Pengalaman luas para pensyarah yang pernah bergiat aktif dalam industri menjadikan sesi pembelajaran lebih hidup, relevan dan praktikal sekali gus memberi kelebihan besar dalam menjalin hubungan dua hala antara dunia akademik dan realiti industri sebenar. "Maka tidak hairanlah UPSI terus menjadi pilihan mereka yang mahu melangkah lebih jauh dalam dunia ilmu," ujarnya lagi.

Perkongsian menarik diberikan Md Amin ini berikutan penyanyi terkenal negara, Tomok yang memilih UPSI bagi mengikuti program Sarjana Pengajian Persembahan di Fakulti Muzik dan Seni Persembahan

secara sepenuh masa. Beliau yang baru sahaja mendaftar di universiti itu pada Selasa, telah menerima kad siswa, menghadiri orientasi dan melawat ke beberapa bangunan pengajian sebelum mulakan pengajian.

Mengulas lanjut mengenai Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL), Md Amin berkata, ia merupakan inisiatif murni kerajaan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sebagai usaha memberi pengiktirafan kepada individu yang memiliki pengalaman luas dalam sesuatu bidang profesional khususnya seperti bidang seni, tanpa melalui laluan akademik konvensional.

Selaras dengan semangat Pembelajaran Sepanjang Hayat, ujar beliau, APEL membuka peluang lebih luas kepada para penggiat seni untuk memperkuuh kedudukan akademik mereka tanpa perlu bermula dari awal.

"Di UPSI, APEL mendapat sokongan penuh kerana universiti ini sendiri memiliki ramai pensyarah berpengalaman dan berstatus pakar dalam bidang seni persembahan. "Mereka bukan sahaja berkongsi ilmu secara teori dan praktis, malah turut terbabit secara langsung dalam industri melalui penglibatan pementasan, produksi, penyelidikan seni serta kolaborasi kreatif.

"Gabungan antara pengalaman industri dan kepakaran akademik ini menjadikan UPSI tempat yang ideal untuk mereka yang mahu mengembangkan ilmu, menyambung pengajian atau menambah nilai kepada kerjaya seni masing-masing," ujarnya lagi.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



## Jasa, sokongan dihargai! UPSI raikan sahabat media dan rakan strategik! Bantu pacu nama universiti!

**Kuala Lumpur, 15 April** - Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim, Perak, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff menyifatkan pengamal media dan rakan strategik sebagai individu penting yang menyumbang secara langsung kepada peningkatan nama baik universiti itu pada peringkat nasional dan antarabangsa.

Beliau berkata, media dan rakan strategik adalah tulang belakang yang banyak membantu mengangkat nama UPSI, sehubungan itu, dia menzahirkan ucapan terima kasih atas sokongan, jasa dan pengorbanan mereka kepada universiti itu. Tambahnya, UPSI amat bertuah kerana dikelilingi sahabat media yang sentiasa bersama dalam menyampaikan berita dan laporan mengenai pelbagai program serta pencapaian UPSI kepada masyarakat umum.

"Saya tidak pernah lupa bahawa media ialah sahabat perjuangan kita, mereka membantu membawa suara serta wajah UPSI ke seluruh pelosok tanah air, bahkan ke luar negara. Inilah bukti nilai kepercayaan dan tanggungjawab

yang dikongsi bersama," ujarnya. Dr. Md Amin berkata demikian dalam ucapannya ketika meraikan pengamal media dan rakan strategik dalam satu majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung meriah di Hotel Seri Pacific Kuala Lumpur. Majlis anjuran Bahagian Komunikasi Korporat UPSI itu turut dihadiri Timbalan-timbalan Naib Canselor, dekan-dekan fakulti, ketua-ketua pusat tanggungjawab, dan wakil media serta agensi rakan strategik.

Beliau juga menzahirkan rasa bangga terhadap pencapaian UPSI yang kini semakin dikenali bukan sahaja sebagai universiti pendidikan unggul, tetapi juga sebagai pusat pembangunan holistik pelbagai bidang. "UPSI hari ini bukan lagi hanya sebuah institusi, tetapi sebuah jenama pendidikan yang diyakini, ia adalah hasil kerja keras semua dari segenap warga universiti, rakan strategik dan tentunya media. "Di UPSI, kami sentiasa menghargai dan meraikan sahabat media dan rakan-rakan strategik yang menjadikan UPSI sebuah universiti yang terkemuka," jelasnya.

## UPSI, Uzbekistan meterai MoA perkukuh penyelidikan inovatif

**Tanjong Malim, 18 April** – Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) memeterai Memorandum Perjanjian (MoA) dengan The Fund and Agency for Innovative Development di bawah Kementerian Pengajian Tinggi, Republik Uzbekistan, dalam usaha memperkuuh kerjasama strategik dalam bidang penyelidikan dan inovasi.

Majlis menandatangi perjanjian tersebut berlangsung di Scholar's Suites, Kampus Sultan Azlan Shah UPSI kelmarin, menyaksikan bakal adanya komitmen selama lima tahun antara kedua-dua pihak dalam membangunkan potensi saintis muda dari Malaysia dan

Uzbekistan menerusi penyelidikan berimpak tinggi.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPSI, Profesor Dr Norkhalid Salimin berkata, pada fasa awal kerjasama, lima projek penyelidikan kolaboratif dipersetujui dengan peruntukan keseluruhan berjumlah kira-kira USD90,310 (sekitar RM440,000). "Projek-projek ini akan melibatkan tiga fakulti utama iaitu Fakulti Komputeran dan Meta-Teknologi, Fakulti Sains Sukan dan Kejurutarian serta Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif.



## Projek Pemindahan Ilmu (KTP) - Pemerkaasan Seni Tarian Dabus dalam Kalangan Pelajar Sekolah di Tanjong Bidara, Perak

Projek ini bertujuan memelihara dan mengembangkan seni tarian Dabus dalam kalangan pelajar di Tanjong Bidara, Perak melalui ceramah sejarah, bengkel praktikal dan sesi kreatif. Ia melibatkan pelajar, guru serta penggiat Dabus tempatan dalam usaha memindahkan ilmu dan meningkatkan kesedaran budaya. Projek ini juga menekankan pemantapan kemahiran tarian dan muzik Dabus, pemeliharaan elemen tradisi serta memperkuuh penglibatan komuniti sebagai strategi pendidikan seni dan pemuliharaan budaya yang mampan dalam arus pemodenan.

### Ilmu yang Berjaya dipindahkan:

Meningkatkan kesedaran,

pengetahuan dan kemahiran peserta dalam tarian Dabus serta memelihara warisan budaya dan identiti tradisional.

### Hasil Akhir kepada Industri:

Program ini meningkatkan bilangan murid mahir Dabus, kemahiran guru, pengetahuan budaya peserta serta menarik penajaan dan menyumbang kepada perubahan sikap positif terhadap pemeliharaan warisan budaya.

### Hasil Akhir Kepada Pembangunan Insan:

Meningkatkan celik ilmu, kemahiran dan bakat dalam drama serta membina minat pembelajaran dan pemikiran positif terhadap pendidikan.

### Hasil Akhir tidak Langsung yang diterima oleh Industri/

#### Komuniti (Sasaran):

Program Dabus membuka peluang kepada pusat latihan seni, penyelidik dan syarikat media untuk memperluas latihan, menjalankan kajian serta mempromosikan seni dan budaya tradisional tempatan.

#### Isu/Cabarani Projek:

Tarian Dabus sukar dikuasai kerana memerlukan latihan intensif, terutama bagi pelajar yang tidak biasa dengan gerakan tradisional.

#### Ketua Penyelidik dan Penyelidik Bersama:

Nama Ketua: Encik Abdul Hamid bin Chan

Nama Ahli Projek:  
 1. Profesor Madya Dr. Muhammad Fazli Taib bin Saearani  
 2. Dr. Leng Poh Gee  
 3. Dr. Hafzan Zannie bin Hamza



Kunjungan Hormat Pengurusan Universiti di pejabat Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Tinggi



Pameran Solo 'OCEAN WAVE PULAU SILK'



Program Executive Talk Naib Canselor 4.0



Sesi Aspresiasi Kerjasama Strategik UPSI - Singapore University Of Social Sciences (SUSS) - Institut Darul Ridzuan (IDR)